



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATO' ZULKEPLI BIN MOHAMAD (ZUL WISMA)
PENGGIAT SENI DIKIR BARAT**

OLEH:

CHE FATIN NOOR AIDA BT CHE SEMAN	2021106199
NUR SYAMIMI AMIRAH BT MUHAMMAD ZAKI	2021127895

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2023 – JULAI 2023)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATO' ZULKEPLI BIN MOHAMAD (ZUL WISMA)
PENGGIAT SENI DIKIR BARAT**

OLEH:

CHE FATIN NOOR AIDA BT CHE SEMAN	2021106199
NUR SYAMIMI AMIRAH BT MUHAMMAD ZAKI	2021127895

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2023 – JULAI 2023)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim,

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah dan limpah kurniaNya diberikan tenaga dan dipanjangkan kudrat Bersama-sama rakan seperjuangan untuk menyiapkan tugas berkumpulan bagi kod IMR604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan) ini dengan sempurna. Alhamdulillah, syukur dengan berkat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya memberi kami kekuatan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan ini.

Di kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa Binti Abdullah yang sentiasa sabar memberi tunjuk ajar dan membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Beliau telah banyak membantu sepanjang proses ini dijalankan. Tidak dilupakan juga kepada Dato' Zulkepli Bin Mohamad yang sudi meluangkan masa bersama kami untuk melakukan temu bual ini meskipun dengan jadualnya yang padat. Sebesar-besar penghargaan diberikan kepada beliau atas kesudiannya melayan kami tanpa mengharapkan balasan demi menjayakan sejarah lisan ini.

Tidak dilupakan juga, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada salah seorang ahli keluarga terdekat diatas pertolongan dan sokongan dalam proses menjayakan tugas ini. Kami juga ingin berterima kasih kepada ahli keluarga, rakan sekelas dan kenalan yang membantu kami secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugas ini.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	3 - 4
Isi Kandungan.....	5 - 6
Abstrak.....	7 - 8
Rujukan Kata.....	9 - 12
Biodata Penemubual 1.....	14
Biodata Penemubual 2.....	15
Biodata Tokoh.....	16 - 17
Pengenalan.....	18 - 19
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	21 - 23
Bahagian B: Latar Belakang Pendidikan	24 - 26
Bahagian C: Sejarah Permulaan	27 - 29
Bahagian D: Pengalaman Kerjaya	29 - 37
Bahagian E: Pencapaian	38
Bahagian F: Sumbangan	39 - 40
Bahagian G: Kegiatan terkini	40 - 41
Bahagian H: Harapan	42
Rujukan.....	43 - 44
Lampiran	
Log Wawancara.....	46 - 48
Diari Kajian.....	49
Senarai Soalan.....	50 - 53
Suarat Perjanjian.....	54
Gambar.....	55 - 56
Sijil Penghargaan.....	55 - 56
Indeks.....	57

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temu bual ini dilakukan bersama Dato' Zulkepli Bin Mohamad (Zul Wisma) yang merupakan penggiat seni dikir barat. Berasal dari Pasir Mas, Kelantan, seni dikir barat yang merupakan salah satu seni budaya negeri Kelantan. Walaupun beliau sudah berusia 59 tahun, beliau masih bergiat aktif dalam seni dikir barat ini. Dato' Zulkepli telah berkecimpung dalam bidang dikir barat ini sejak muda lagi. Dimana pada mulanya, ia sekadar satu minat dan satu hiburan untuk mengisi masa lapang. Beliau telah mula berkecimpung dalam bidang ini seawal umur 20-an lagi dan bergiat dengan lebih aktif selepas bakat beliau mula mendapat perhatian. Seni dikir barat merupakan seni yang sangat digemari oleh semua lapisan masyarakat khususnya masyarakat Kelantan. Antara persoalan yang ingin diutarakan di dalam wawancara ini adalah mengenai latar belakang tokoh, latar belakang seni dikir barat, cabaran yang dihadapi dan harapan pada masa hadapan. Adalah diharapkan dengan wawancara ini dapat menaikkan semula nilai seni dikir barat dalam kalangan generasi muda pada masa kini. Bukan itu sahaja, adalah diharapkan semoga seni dikir barat ini dapat dipromosikan ke peringkat antarabangsa.*

Kata Kunci: *Seni Dikir Barat, Kelantan, Zul Wisma.*

Abstract: *This interview was conducted with Dato' Zulkepli Bin Mohamad (Zul Wisma), who is an activist of western dikir art. Originally from Pasir Mas, Kelantan, western dikir art is one of the cultural arts of the state of Kelantan. Even though he is 59 years old, he is still active in this western dikir art. Dato' Zulkepli has been involved in the field of western dikir since he was young. In the beginning, it was just an interest and an entertainment to fill free time. He started dabbling in this field as early as his 20s and became more active after his talent began to gain attention. The art of dikir barat is an art that is very popular with all walks of life, especially the people of Kelantan. Among the questions to be addressed in this interview are the background of the figure, the background of western dikir art, the challenges faced, and hopes for the future. It is hoped that with this interview, we can raise the value of western dikir art among the younger generation today. Not only that, it is hoped that this western dikir art can be promoted internationally.*

Keywords: *West Dikir Art, Kelantan, Zul Wisma.*

RUJUKAN KATA

RUJUKAN KATA

DIALEK	MAKSUD
oe	orang
loni	sekarang
kelate	Kelantan
banyok	banyak
yo	dia
wak	buat
key/kei	kan
gi	pergi
kalu	kalau
takdok	tiada
panda	pandai
sakni	tadi
mulo-mulo	mula-mula
kijo	kerja
susoh	susah
duk	duduk/sedang/di
mari	datang
tiko	ketika
rama	ramai
mugo/pasal	sebab
seney	senang
ngaji	belajar
sokmo	selalu
sapa	sampai
nego	berniaga
belum	sebelum
lawe	lawan

kato	gelar
angin	semangat/minat
sie	siang
male	malam
lagutu/gitu	begitu/ macam itu
ya	ringgit malaysia
lagu mano	macam mana
sila	bersila
bui/wi	bagi
gapo	apa
hok	yang
oyak	bagitahu
semaye	sembahyang
belako	semua
serupo / po	seperti/sama
ble	sambil
ngarut	karut
mitok	minta
sohor	terkenal
sapo	siapa
ambo	saya
bawak lagu	nyanyi lagu
ule	ulang
woh kocok	marakas
napok	nampak
lamo	lama/nanti
kade	kadang
belake	belakang
laguni	macam ini/begini
koho	makin
tino jate	perempuan dan lelaki

tokse	taknak
ike	ikan
sauk	pakaikan
kaca	kacau
pitih	Duit
jerik	menangis
bate kail	batang kail
ngail	mengail
nyior	kelapa
bare	barang
doh	dah

BIODATA PENEMUBUAL

BIODATA PENEMUBUAL 1



Nama : Che Fatin Noor Aida Binti Che Seman
Tempat Lahir : Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM Kubang
Alamat Kerian) :
Kota Bharu,
Kelantan.
No Telefon :
Email : @gmail.com
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian)
Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

BIODATA PENEMUBUAL 2



Nama : Nur Syamimi Amirah Binti Muhammad Zaki

Tempat Lahir : Jelawat

Alamat

Bachok,
Kelantan.

No Telefon :

Email : @gmail.com

Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian)
Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH

BIODATA RINGKAS

DATO' ZULKEPLI BIN MOHAMAD (ZUL WISMA)

SENI DIKIR BARAT



Nama Penuh : Zulkepli Bin Mohamad

Nama Samaran : Zul Wisma

Tarikh Lahir : 1964

Tempat Lahir : Pasir

Mas, Kelantan.

Alamat : Kampung Peringat, Kota Bharu, Kelantan.

Profession : Penyanyi Dikir Barat

Bidang : Seni Dikir Barat

PENGENALAN

PENGENALAN

Dikir Barat merupakan satu persembahan negeri Kelantan yang disampaikan secara berkumpulan. Setiap kumpulan biasanya diketuai oleh seorang Tukang karut dan Tok Juara. Tukang karut dan Tok Juara akan mendahului nyanyian sambil berbalas-balas pantun dan diikuti oleh awak-awak sebagai suara latar dengan suara yang kuat dan lantang. Sejenis nyanyian yang terkenal di negeri Kelantan. Nyanyiannya diringan dengan pukulan rebana.

Merupakan kebudayaan yang agak baru dipopularkan. Dinyanyikan secara beramai-ramai dalam bentuk pantun. Seorang ketua yang dikenali sebagai tukang dikir atau tukang karut akan memulai nyanyian yang akan diulang oleh pengiring secara beramai-ramai. dikir barat adalah satu bentuk persembahan nyanyian.

Asal usul kewujudannya sehingga kini masih diperdebatkan, namun kebanyakan menerimanya sebagai bentuk seni yang datang dari selatan Thailand atau utara Semenanjung Malaysia. Dalam lingkungan masyarakat petani, dikir barat dipersembahkan sebagai upacara keagamaan atau sambutan sempena musim menuai.

Kini, persembahan dikir barat lebih berperanan sebagai satu bentuk hiburan. Begitupun, pertandingan antara kumpulan dikir barat juga sering diadakan. Sehingga kini, Singapura dan dua negeri di Malaysia - Kelantan dan Terengganu adalah antara negeri yang masih mempersembahkan dikir barat secara aktif. Kita memanggilnya dikir, perkataan yang bunyinya ada persamaan dengan perkataan Melayu zikir yang bermakna doa atau amalan keagamaan, sesuatu yang dilihat oleh penduduk di utara semenanjung Malaysia dan diamalkan orang Thai setiap musim menuai padi. Barat pula bermakna kedudukan geografi, orang utara dulu menganggap Thailand berada di sebelah barat padahal dari segi kedudukan geografinya, ia berada di utara Malaysia. Memandangkan nama itu sudah sebatian dengan penggunaan, ia kekal sehingga ke hari ini dan tidak pernah diubah.

Budaya dikir barat kemudian terus menular ke selatan, Singapura sekitar 1970-an. Pelbagai pertandingan dianjurkan badan kerajaan setiap tahun dan sambutan terhadapnya begitu baik sehingga ke hari ini, biarpun Singapura kini adalah kota metropolitan yang maju. Dikir barat juga ada kaitan dengan dikir laba atau lebih dikenali sebagai dikir Punjab bermaksud drama dalam bahasa Punjab (Hindustan) dan mempunyai kaitan rapat dengan Qawwali, iaitu budaya popular di kalangan orang India. Dalam dikir laba, anggotanya akan menyanyikan lagu dan cuba mengikuti rentak dengan menggerakkan badan. Mereka juga perlu menyanyi menerusi nada yang tinggi.

Tidak kira apa bentuk dikir sekalipun, Tok Jogha punya tanggungjawab besar untuk menghidupkan lagu yang dipersembahkan itu. Pada 1948, Pak Leh Tapang mengubah cara tarian Patung Inai iaitu dimainkan dengan mengadaptasi beberapa elemen dari dikir laba dan dikir Punjab. Perkataan barat diambil dari gelaran yang diberikan orang Kelantan kepada masyarakat Siam. Ada juga pihak memnbawa teori bahawa perkataan barat datang dari perkataan 'Bharat', nama lama kepada benua kecil India. Ia juga boleh dikira logik memandangkan pengaruh dari konteks dikir Punjab.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang artis veteran dalam bidang seni dikir barat. Bersama-sama kami ialah Datuk Dr Zulkepli Mohamad yang merupakan seorang penyanyi dikir barat. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 1 Jun 2023 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 3:00 petang bertempat di Yayasan Amal Dato' Zul Wisma Kubang Kerian Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Che Fatin Noor Aida Binti Che Seman dan Nur Syamimi Amirah Binti Muhammad Zaki. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

DZ: Datuk Zulkepli

CF: Che Fatin

SA: Syamimi Amirah

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

CF: Okay dato', boleh saya tahu nama penuh dato'?

DZ: Nama saya Dato' Dr Zulkepli bin Haji Mohamad, berumur 59 tahun, lahirnya berasal pada Kampung Bukit Tandak, Gual Periok, Pasir Mas, Kelantan, dibesarkan di Pasir Mas [Kelantan], kemudian sekarang ini menetap di Kota Bharu [Kelantan].

CF: Boleh saya tahu apakah nama samaran atau nama gelaran dato'?

DZ: Nama gelaran saya oe [orang] panggil Zulwisma.

CF: Boleh saya tahu bilakah dato'dilahirkan dan pada tahun ini berapakah umur dato'?

DZ: Dilahirkan pada tarikh sembilan belas haribulan sepuluh tahun sembilan belas enam puluh empat [19 Oktober, 1964]. Jadi harini 59 tahun doh [dah] la.

CF: Boleh saya tahu apakah nama ibu dan bapa dato' dan dimanakah mereka dilahirkan?

DZ: Nama ibu Rafiah Binti Hadi Majid dilahirkan di Kampung Repek Pasir Mas [Kelantan], ayah pula Muhamad Bin Awang dilahirkan di Kampung Pauh Lima, Bachok [Kelantan].

CF: Berapakah bilangan adik-beradik dato'?

DZ: Bilangan adik beradik semua sekali 6 oe [orang] lah.

CF: Dato' anak yang ke?

DZ: Anak yang ke-2.

CF: Sekarang dato' menetap dimana dan menetap dengan siapa?

DZ: Sekarang ini saya menetap di Kampung Peringat, Kota Bharu [Kelantan].

CF: Boleh saya tanya soalan bilakah dato' mula berumah tangga?

DZ: Ouh mula-mula berumah tangga (ketawa) mula-mula berumah tangga pada 29 haribulan satu (anaknya mencelah) tahun 1987 [29 Januari, 1987] (ketawa).

CF: Dato' ada berapa orang anak?

DZ: Loni [sekarang] 12 orang anak (ketawa).

CF: Boleh saya tahu apakah hobi dato' semasa waktu lapang?

DZ: Dikir barat salah satu lah, dikir barat lepastu *explore* [meneroka] tengok *knowledge-knowledge* [ilmu-ilmu] semasa, ilmu-ilmu semasa mengikut perkembangan situasi dalam negara, menonton tv [televisyen] pon ada gitulah [begitulah] (ketawa).

CF: Cita-cita dato' semasa waktu kecil, nak jadi pendikir dah ke?

DZ: Pendikir? Pendikir masa kecil tu tak nampak lagi lah, masa belasan tahun tu minat la sebagai hobi kan, tengok dikir barat ha sebab masa dulu di kelate [Kelantan] ni [ini] banyok [banyak] tempat-tempat yo [dia merujuk kepada orang] wak [buat] dikir barat secara bertiket key [kan] dulu-dulu, jadi ikut la ayoh [Muhamad Bin Awang], yo [ayah] gi [pergi] tengok dikir, kito [dato'] gi [pergi] tengok dikir begitulah.

CF: Ada tak ahli keluarga dato' yang terlibat dalam dikir barat ni [ini]?

DZ: Kalu [kalau] masa dulu takdok [tiada] lah, ayoh pon [pun] tak dikir tak panda [pandai].

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

SA: Ini pasal latar belakang pendidikan. Pada tahun bilakah dato' mendapat pendidikan awal?

DZ: Masa darjah satu [tahun 1971] saya belajar di Sekolah Kebangsaan Gual Periok, Pasir Mas [Kelantan] Gual Periok [Sekolah Kebangsaan Gual Periok], mulo-mulo [mula-mula] sekali.

SA: Dimanakah dato' mendapat pendidikan awal?

DZ: Sekolah sakni [tadi], masa darjah satu disitu, Sekolah Kebangsaan Gual Periok, Pasir Mas [Kelantan], darjah tiga saya berpindah belajar ke Sekolah Kebangsaan Pasir Mas, Kelantan, Ioni [sekarang] ore [orang] panggil Sekolah Kebangsaan Dato' Hamid, Pasir Mas [Kelantan].

SA: Apakah cita-cita dato' semasa dibangku sekolah?

DZ: Dibangku sekolah dulu untuk menjadi seorang akauntan.

SA: Pernahkan dato' terlibat dengan mana-mana aktiviti seperti nyanyian atau dikir barat semasa zaman sekolah rendah dahulu?

DZ: Masa sekolah rendah takde terlibat secara langsung, tak reti pon.

SA: Bagaimana pula dengan sekolah menengah dato', dimanakah dato' bersekolah?

DZ: Tingkatan 1 hingga tingkatan 3, Sekolah Sultan Ibrahim II Pasir Mas [Kelantan], tingkatan 4 dan tingkatan 5, Sekolah Teknik Kuala Terengganu [Terengganu].

SA: Adakah dato' mempunyai impian atau bercita-cita untuk menjadi pendikir barat semasa berada dialam persekolahan?

DZ: Masatu takde [tiada] lagi cita-cita sebab dikir barat ni biasanya selepas tingkatan 5, tapi pada masa yang sama, macam saya cakap tadi banyak ikut ayah gi [pergi] tengok dikir. Hanya minat tengok, menonton, ha bukan minat berdikir tak pandai lagi berdikir

SA: Adakah dato' melanjutkan pengajian selepas tamat sekolah menengah?

DZ: Lepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] saya pergi ke Politeknik Ungku Omar Ipoh, Perak. (Syamimi mencelah "Dalam kos apa?") dalam kos Diploma Perakaunan.

CF: Lepas habis diploma dekat politeknik itu, dato'?

DZ: Lepas habis diploma tu saya balik bawa kereta sewa sementara menunggu dapat kerja. (Fatin mencelah "Kerja *part-time* [kerja sambilan] dulu ke?") kerja *full-time* [sepenuh masa]. Kita [dato'] takdok [tiada] kijo [kerja] kito [dato'] oe [orang] susah balik duk [duduk] kampung bawa kereta sewa. Kale [Kelantan], Rantau Panjang [Kelantan] bawak [bawa] oe [orang] mari [datang] Kota Bharu [Kelantan]. (ketawa)

CF: Lepas itu, dato' tak sambung belajar?

DZ: Tak sambung belajar lagi tiko [ketika] tu [itu], sehinggalah saya dapat *offer* [tawaran] berkerja di Jabatan Audit Negara [Kuala Lumpur], kene lapor diri pada tiga puluh satu haribulan tiga tahun sembilan belas lapan puluh enam [31 Mac, 1986] di Kuala Lumpur, begitulah sebagai Pegawai Audit Negara lah masa itu.

SA: Boleh dato' kongsi pengalaman yang dato' lalui sepanjang bergelar seorang mahasiswa?

DZ: Apabila saya bekerja, tahun sembilan belas sembilan puluh satu [1991] saya sambung belajar buat *degree* [ijazah] di UiTM [Universiti Teknologi Mara]. (Syamimi mencelah "UiTM mana?") di UiTM Shah Alam [Universiti Teknologi Mara, Shah Alam]. (Fatin mencelah "Bidang yang sama?") *Degree in Accountancy* [Ijazah Perakaunan]. Masa di Kuala Lumpur tulah [itulah] maknanya berjinak-jinak berdikir (ketawa) dari lapan puluh enam [tahun 1986] hingga sembilan puluh satu [tahun 1991] mugo [sebab] duk [duduk] Kuala Lumpur kei [kan] rama [ramai] la anak [anak] kelate [Kelantan] kito [kita] duk [sedang] dikir di Kuala Lumpur di Pantai Dalam [Kuala Lumpur] rata-rata lah (kawan dato' mencelah) ha di Kampung Baru (Syamimi mencelah "Masa itu lah *start* [mula] nya?") male-male [malam-malam] gi [pergi] dikir, mula-mula sebagai awok-awok dulu, lepas tu Tok joghor, pahtu Tukang karut,

SA: Semasa jadi pelajar U [Universiti] itu ada terlibat dalam mana-mana persatuan ke?

DZ: Masa belajar takdok [tiada] masuk pon persatuan.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: SEJARAH PERMULAAN

SA: Apakah kerjaya pertama yang diceburi setelah tamat pengajian?

DZ: Sebagai Pegawai Jabatan Audit Negara (Syamimi mencelah “Pada tahun berapa?”) tiga puluh satu haribulan tiga Sembilan belas lapan puluh enam [31 Mac, 1986] mula-mula lapor diri di Pejabat Ketua Audit Negara, Kuala Lumpur [Malaysia].

CF: Dato’ pilih ke pekerjaan itu ataupun dapat *offer* [tawaran]?

DZ: Dapat *offer* [tawaran] dari JPA [Jabatan Perkhidamatan Awam] masa hari itu seney [senang] kijo [kerja] habis je ngaji [belajar] menganggur setahun, yang saya bawak keto sewa tulah [itulah], pahtu [lepas itu] dapat *offer letter* [surat tawaran] daripada JPA [Jabatan Perkhidamatan Awam] suruh gi [pergi] kijo [kerja], itu saya kerja di Kuala Lumpur dulu, masatu la saya terlibat dengan dikir barat, saja-saja la hobi masa dulu.

SA: Dimanakah dato’ bekerja ketika itu?

DZ: Bekerja sebagai Pegawai Audit Negara di Jalan Duta Kuala Lumpur [Malaysia].

SA: Berapakah pendapatan awal dato’ dalam bidang ini?

DZ: Masa dulu murah mugo [sebab] kijo [kerja] pun diploma, tujuh ratus lapan puluh lima ringgit [RM 785.00] sebulan sebab masatu takdok *degree* [ijazah] lagi, masa dua satu [umur 21 tahun] baru sambung *degree* [ijazah]. Tujuh lapan lima sebulan [RM 785.00], mulo-mulo [mula-mula] masuk sangkut dulu, jawatan sangkut oe [orang] panggil dulu tujuh empat lima [RM745.00] lepastu apabila disahkan jawatan baru dapat tujuh lapan lima [RM 785.00] (ketawa).

CF: Siapa hok [yang] beri galakan kepada dato' untuk menceburi bidang akauntan ni?

DZ: Akauntan ni sebab dari tingkatan satu lagi saya pilih bidang akaun belajar key masa di Pasir Mas [Kelantan] lagi, jadi saya punya SRP [Sijil Rendah Pelajaran] tu, *result* [keputusan] kira berjaya la cemerlang, itu yang ditawarkan sambung belajar ke Sekolah Teknik Kuala Terengganu [Terengganu] dalam bidang perakaunan jugok [jugak]. Jadi *track* [lalu] yang kito [dato'] berjalan tu akaun sokmo-sokmo [selalu]. Tu sapa [sampai] ke tua nak akaun (ketawa).

SA: Bilakah dato' mula menerima gelaran dato'?

DZ: Gelaran Dato' Melaka dua kosong satu tujuh [tahun 2017]

SA: Apakah cabaran yang dato' tempuh dalam bidang ini?

DZ: Masa belajar memang payah la belajar pasal perakaunan satu kursus yang professional, maknanya kita kene rajin belajar, sentiasa mengulang kaji pelajaran setiap malam, habis belajar balik rumah tu *review* [semak] balik apa *lecturer* [pensyarah] ajar, kalau tertinggal habis la, ha tu belajar akaun. Maknanya memang betul-betul mencabar la sebagai seorang pelajar yang ingin maju dalam bidang perakaunan kita kene betul-betul rajin. (Syamimi mencelah "Kalau masa kerja pula?") masa kijo [kerja] saya ada dua segmen la pertama dalam kerajaan daripada tahun sembilan belas lapan puluh enam [tahun 1986] sampai tahun sembilan belas sembilan puluh sembilan [tahun 1999] saya kerja dalam guaman servis, dalam kerajaan ni biasalah mengikut arahan oe [orang] jelah kito [dato'] kijo [kerja] sebagai *staff* [pekerja] buat pengauditan rata-rata dia Kuala Lumpur semua kementerian saya gi [pergi] audit, lepas itu balik Kelantan tahun sembilan puluh lima [tahun 1995], Sebelas lapan puluh enam [November, 1986] hingga bulan lima sembilan puluh lima [May, 1995] saya kijo [kerja] di Kuala Lumpur, jadi bulan lima [Mei, 1995] saya balik ke kelate

[Kelantan] berkhidmat di Wisma Persekutuan, Kota Bharu [Kelantan] sebagai Pegawai Audit Negara jugak lah, audit akaun kerajaan kelate [Kelantan], bandar Kelantan, *EPF* [Employees' Provident Fund], Tabung Haji, SOCSO [Social Security Organisation] (kawan dato' mencelah) ha rata-rata di Kelantan sehinggalah tahun sembilan belas Sembilan puluh Sembilan [tahun 1999] saya bersara, bersara awal (Fatin mencelah "bersara dalam kerjaya *government* [kerajaan] lah?") ha kakitangan kerajaan lah kerana ingin tumpu perniagaan dalam bidang perakaunan jugak [juga] tapi nego [berniaga] ha gitu [begitu]. (kawan dato' mencelah) tiko [ketika] itu umur 40 tahun, muda lagi (ketawa).

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA

SA: Berapakah umur dato' sewaktu kali pertama bergelar seorang pendikir?

DZ: Tahun lapan puluh enam [tahun 1986] (berbincang dan ketawa) *start* [mula] dikir umur 22 tahun masatu saya dikir gitu-gitu jela tapi sebab berada di Jabatan Audit Negara, saya berkhidmat di Kuala Lumpur kei [kan], jadi apabila ada majlis makan malam, jadi kita budak kelate [Kelantan] ini kene buat persembahan dikir barat, sayalah yang jadi Tok Jogho, Tukang Karut pon saya dalam masa itu lah. Belum [sebelum] ni kita ado acara sukan peringkat Malaysia hok Jabatan Audit Negara Kelantan lawan Jabatan Audit Negara Kuala Lumpur, saya wakil Kuala Lumpur lawe [lawan] dengan audit kelate [Jabatan Audit Kelantan]

SA: Bagaimana dato' boleh terlibat dalam bidang dikir barat sehingga mendapat nama?

DZ: Di Kuala Lumpur tak timbul nama [terkenal] lagi sebab saya lebih banyak buat persembahan dalam jabatan kerajaan pahtu saya buat persembahan di The Mall [sekarang Sunway Putra Mall] depan PWTC [Putra World Trade Centre], Bukit Bintang Plaza [Kuala Lumpur] rata-rata lah, kita [dato'] ada satu kumpulan dikir barat di Kuala Lumpur dikenali dengan nama kumpulan Kijang

Kelana, nama kumpulan dikir barat saya yang pertama kumpulan dikir barat kijang kelana ha tapi di Kuala Lumpur lah. Lepas itu, balik Kota Bharu [Kelantan] saya kerja di Wisma Persekutuan [Kota Bharu, Kelantan] pernah masuk bertanding, pernah buat persembahan rata-rata, jadi saya ni kijo [kerja] situ [Wisma Persekutuan Kota Bharu, Kelantan] oe [orang] letak nama ‘Zulwisma’ (Fatin mencelah “Ouh sebab bekerja di wisma tu dapat nama tu?”) gelaran tu diberi oleh arwah Seman Wau Bulan [Seman bin Mamat] seorang tokoh dikir barat Kelantan.

SA: Tempat permulaan dato’ mula menceburi bidang dikir barat ini di KL [Kuala Lumpur]?

DZ: Haah, KL [Kuala Lumpur].

SA: Siapakah yang menjadi inspirasi untuk dato’ bergiat dalam bidang dikir barat ini?

DZ: Seman Wau Bulan [Seman bin Mamat] tokoh dikir barat yang terkenal, Seman Wau Bulan, dia juga merupakan tok guru [tuan guru] saya lah (kawan dato’ mencelah).

SA: Mengapakah dato’ memilih untk berkecimpung dalam bidang dikir barat ini?

DZ: Sebab minat, kita rasa kita suka, orang Kelantan kato [gelar] angin [minat] kito [dato’] ni (ketawa) segar angin [meluangkan masa] berdikir walaupun sie [siang] hari kijo [kerja], masa saya balik ke Kelantan tahun Sembilan puluh lima [tahun 1995] tu, ‘tok ngoh Seman Wau Bulan’ [nama panggilan Seman Wau Bulan] ni, dia tengah hebat dikir, tengah popular dan saya belajar dengan dia lah, saya berguru dengan dia, kalau dia [Seman Wau Bulan] kata male [malam] ni kita gi dikir di Jerantut [Pahang], saya ikut dia gi dikir di Jerantut [Pahang], pagi esok saya masuk kijo [kerja] *punch card* [kad perakam] doh [dah] kijo [kerja] kerajaan, sampai rumah pukul 5.00 pagi esok masuk kerja ha lagutu [begitu] la.

SA: Berapakah gaji pertama yang diterima oleh dato' sebagai seorang pendikir barat?

DZ: Dia takdok [tiada] gaji maknanya upah dikir la kalau contoh lah saya dikir duk [di] Kelantan pergi dikir Kuala Lumpur, orang bayar dua ratus ya [RM 200.00], kalau dikir di Kuantan, [Pahang] seratus setengah [RM150.00], kalau dikir di Terengganu seratus dua puluh ya [RM120.00], masa dulu ni, ni harga dulu (kawan dato' mencelah) kalau di Kelantan, contoh kita [dato'] pergi dikir kerey [Kuala Kerai] tujuh puluh ya [RM 70.00] gitu jela di Kelantan. Itu sebagai Tukang karut. (Fatin mencelah "Harga lain ke?") ha dio [harga] lain. Tukang karut tujuh puluh ya [RM70.00], tukang nyanyi tiga puluh ya [RM30.00] gitu jah (ketawa) dulu, Tok jogho dibayar secara berkumpulan, dia akan bagi [berbagi] sama-sama awok-awok dia tu. Tahu dok tok jogho lagumano [macam mana] perangai dia? (Syamimi mencelah "Tahu tukang karut jah") Tukang karut hok duk diri tu [yang berdiri tu], tok jogho hok duk sila [yang duduk bersila] bersama awok-awok tu ha dia tak bangun [berdiri].

SA: Berapakah jumlah bayaran bagi setiap lagu atau album yang dihasilkan?

DZ: Kita tak kiro dulu, orang bui [bagi] banyak mana kita ambik. Kalau satu lagu yo [dia] bui [bagi] seratus ya [RM100.00] gitu.

SA: Boleh dato' ceritakan apa yang menaraik tentang dikir barat ini?

DZ: Yang pertama sebagai Tukang karut kita ada *message* [pesanan] gapo [apa] dia hok [yang] kita nak oyak [bagitahu], nak cerita melalui *message* [pesanan] Tukang karut. Maknanya kalau kita nak cerita dari segi menyedarkan masyarakat, untuk berdakwah pon boleh, nak suruh orang semaye [sembahyang] jangan tinggal, ha boleh belako [semua]. Di samping itu, orang kata dikir tu boleh naik angin [semangat] kita, boleh menghiburkan orang dengan lagu-lagu, kita nyanyi jugak lagu-lagu yang orang ramai minat. Salah satu nya untuk mendapat kepuasan diri kita, dapat menghiburkan orang (ketawa)

SA: Pernahkah dato' mempersembahkan lagu dikir barat ini luar negara?

DZ: Saya pernah berfikir dalam bahasa *english* [inggeris] dipamerkan untuk--- (anak dato' mencelah) ha Thailand ada, (Syamimi mencelah "Ouh pernah pergi dikir Thailand la?") Thailand banyak kali jugak pergi, hok [yang] luar negara tu *imagination* [imajinasi] kita [dato'] ke Amerika mana ada (ketawa), Thailand kita naik perahu jah (ketawa) pegi tani [Pattani Thailand], pergi Bukit Tar [Thailand] key ado kat Bukit Bungo {Kelantan} tu, ha pernah la buat persembahan.

SA: Boleh dato' cerita pengalaman tersebut?

DZ: Pengalaman macam mana? (Fatin mencelah "Pengalaman buat persembahan dekat luar negara sAma ke tak dengan tempat kita ni kat Kelantan?") dia sambutan kat Thailand ni lagi hebat sebab peminat dia ramai (kawan dato' mencelah) sebab dikir ni memang tempat asal dia di Thailand. Dari segi persembahan pon serupo [sama] jela cuma dari segi sambutan.

SA: Apakah lagu pertama yang pernah dinyanyikan oleh dato' semasa mula-mula berada dalam bidang ini?

DZ: Lagu pertama mula-mula lagu orang la saya nyanyi. Biasalah dekat persembahan, tempat-tempat bertiket orang nak dengar kita [dato'] nyanyi, masatu tak reti lagi nak buat lagu. Lagu 'Cokek Mok Bolok' tu lagu kita sendiri, tu lewat dah tu tahun sembilan puluh lima [tahun 1995] lagi. Lagu peringkat awal saya ble [sambil] ngarut [karut], kadang-kadang orang mitok [mintak] nyanyi lagu, saya nyanyi lagu-lagu lama. Saya ingat saya nyanyi lagu 'Ikan Puyu' masa tempat tiket di -- (kawan dato' mencelah) tapi ingat mula-mula sekali oe heret saya dikir pade [di padang] tempat bertiket tu saya nyanyi lagu 'Ikan Puyu' lagu Matyeh [Nazaridin Matyeh] lah. Lagu orang dulu, lepastu tahun sembilan puluh lima [tahun 1995] saya buat album lagu 'Cokek Mok Bolok',

tapi banyak la dalam kaset 'Cokek Mok Bolok' tu lagu-lagu kita [dato'], bukan satu, macam-macam la tapi saya tak ingat dah. Hok tengah sohor [popular] loni [sekarang] gak 'Kasih Di Bibir Mulut' (ketawa)

SA: Apakah lagu dikir barat yang paling mencabar yang dato pernah nyanyikan?

DZ: (Fatin dan Syamimi menerangkan soalan) 'Wau Bulan', pasal [sebab] Wau Bulan ni tak boleh dihafal pasal [sebab] lagu penutup berdasarkan sapo [siapa] ada, terima kasih sapo [siapa], kita nak oyak [bagitahu] gapo [apo], kita rasa sedih berpisah ha hoktu [yang itu] dia spontan. Tu dari sudut lagu, kalau saya dikir karut Kelantan payah, sebab dia spontan ha tu jenis karut, dia banyak jenis karut ni. (Syamimi mencelah "Kalau spontan tu dia dapat inspirasi dari mana ke spontan je?") haah spontan la kita nak oyak [bagitahu] gapo [apa], "harini pukul duo [dua] oe [orang] mari [datang] *interview* [temubual] ambo[saya]" (dato' menyanyi) (ketawa).

SA: Berapakah jumlah lagu yang dinyanyikan oleh dato'?

DZ: Ouh tak ingat, banyak, pasal [sebab] album saja ada berapa dah tak ingat. Dalam album tu ada dua belas [12], tiga belas [13] lagu gitu ah tak ingat. Mugo [sebab] saya tidak nyanyi dah, tidak aktif dah, sekadar untuk hibur hati ada la kita wak [buat] dikir barat rumoh [kat rumah] ha ada la, (kawan dato' mencelah)(ketawa) tapi bilangan lagu tu kita tak ingat mugo [sebab] kita tak aktif, kalau kita aktif lagi mungkin kita [dato'] hafal lagi lagu.

SA: Apakah lagu dikir barat yang paling digemari?

DZ: Lagu 'Kasih Di Bibir Mulut' la, kalau saya gi mana-mana gak "dato' bawak [nyanyi] 'Kasih Di Bibir Mulut'" ha penonton melaung "dato' 'Kasih Di Bibir Mulut'" ha 'Cokek Mok Bolok ,

'Wau Bulan' ha lagu tu, tiga la. 'Wau Bulan' tu kalau saya gi [pergi] mana-mana dia suruh saya la bawak [nyanyi] lagu 'Wau Bulan' tu sebab lagu itu saya ada.

SA: Apakah pengalaman yang tidak dilupakan semasa proses penghasilan sesebuah lagu?

DZ: Masa kita buat rakaman la, jadi kene ule [ulang] balik kade-kade [kadang-kadang] tempat tinggi, *chorus* [korus] key [kan] macam contoh suara kita terkepit ke ha jadi kene ule [ulang] balik, ha tulah. Lepas itu apabila buat video lagi susah, watak kita gerak geri kita nk buat kaset.

SA: Siapakah penyanyi dikir barat yang lain yang digandingkan buat pertama kali dengan dato'?

DZ: Seman Wau Bulan (fatin mencelah "Selain dia?") arwah Cikgu Naim, Cikgu Sulizi, ha tu seangkatan dengan saya la tu (anak dato' mencelah) Jen N Doro ha ramai sekdiio [mereka] (kawan dato' mencelah) kalau orang tino [perempuan], dalam kaset jela tidok [bukan] di padang, tokleh [tak boleh] Kelantan mengharamkan.

SA: Siapakah penyanyi dikir barat yang dato' ingin berkolaborasi?

DZ: Kalau dulu, arwah Cikgu Naim la, kalau pergi mana-mana saya dua tu jah [je] masa dulu, tapi mati dahla ha serasi la.

SA: Apakah yang perlu dilakukan sebelum memulakan persembahan?

DZ: Macam saya ni dikir barat secara spontan key [kan], jadi kita tidak *prepare* [sedia] apa-apa, dia berdasarkan penonton seramai mana, gapo [apa] kita napok [nampak] gitu, tapi lagu kadang-

kadang berlatih la tengah bawak [memandu] kereta lamo [nanti] gak bila masuk suruh nyanyi tak ingat ha lirik dia, jadi kene berlatih jugak, nyanyi sekali lalu [sepintas lalu] gitu ah (Syamimi mencelah “Dia ada guna alat?”) alat dikir barat, dia ada satu *group* [kumpulan] untuk musician [ahli musik] sapo [siapa] main gendang sapo main--- (Syamimi dan Fatin mencelah “Kalau dari segi pakaian, kita sedia sendiri ke atau pihak lain? ”) pakaian tu kade [kadang] penganjur sedia, kalau penganjur kata ni adalah satu persembahan yang rasmi, kene pakai bertanjak la, samping la, kalau dia kampung ni biasa jela pakai. Jadi orang-orang dikir awok-awok tu dia pakai pakaian seragam, dia lebih kepada bebas la. (Syamimi mencelah “Dari segi alatan?”) alatan dia ada kumpulan dikir barat tersendiri, dia ada bawak sekali dengan awok-awok dia, alat, gendang, gong, canang, woh kocok [marakas].

SA: Seperti yang sedia maklum, di dalam dikir barat terdapat beberapa watak. Boleh dato’ bagitahu apakah watak-watak tersebut dan tanggungjawab bagi setiap watak?

DZ: Okey yang pertama watak Tok jogho, tok jogho ni dia lebih kepada awok-awok, makna dia kene bawak lagu tu bia [biar] awok-awok boleh ikut dia, ha lain dari hok [yang] duk silo [bersila] tadi (Fatin mencelah “Ouh Tok jogho ni bukan spontan?”) ha bukan spontan dia ada lirik dia, dia hafal dengan iramanya, dia [Tok jogho] jawab awok-awok dia akan ikut kut belake [dari belakang], ha dia lebih kepada menjaga awok-awok, suara dia bawak [nyanyi] tu awok-awok kene ikut dengan kuat dan padu, ha rajin tengok dok [tak] dikir barat? (bertanya) (Syamimi dan Fatin menjawab “Rajin”) (ketawa) ha kalu rajin seney sikit nak pehe, kalu tak rajin tengok kita nk oyak pon payoh (ketawa) (Fatin mencelah “Selain tu, watak apa lagi?”) Tukang karut hok saya sendiri tu, saya sebagai tukang karut, ha Tukang karut pahtu Tukang nyanyi ha dia ada berbeza-beza, jadi tiga watak la Tok jogho, Tukang nyanyi, Tukang karut (Fatin mencelah “Hok [yang] belake [belakang] tu awok-awok?”) ha awok-awok (Syamimi mencelah “Tukang karut ni spontan kan?”) (dato’ mengangguk) (Fatin mencelah “Dato’ ni Tukang karut je kan?”) ha Tukang karut, tapi dulu masa mula-mula tu belajar belako [semua], Tok jogho pon kita belajar, Tukang nyanyi pon boleh, boleh belako [semua], cuma kalau kita dah mahir, jadi Tukang karut ah.

SA: Apakah kemahiran yang paling membantu dato' pada awal-awal penglibatan?

DZ: Di awal penglibatan tu saya sebagai awok-awok la duk [duduk] mengikut tepuk (menepuk tangan) ikut Tukang karut, lepas itu kita pon minat kita pon mencuri ilmu Tukang karut laguni [macam ni], Tok jogho laguni [macam ni] kita belajar, sebab tu apa-apa penting usaha, minat dan usaha (Syamimi mencelah "Dari pengalaman la?") ha dari pengalaman.

SA: Apakah kekuatan yang dato' ada yang menjadikan dato yakin dalam kerjaya dan bidang ini?

DZ: Kekuatan kita minat jela, bersungguh-sungguh kerana minat , lama-lama dia jadi pendapatan (ketawa) mula-mula hobi, kita minat, kita wak [buat] bersungguh-sungguh kerana minat, nak belajar lagi, kalau ada pertandingan nak kita jadi johan ha kita berusaha sungguh la usaha yang terbaik pahtu lama-lama jadi pendapatan bila orang panggil situ, panggil sini ha setiap male [malam], tujuh puluh ya [RM 70.00] semalaman, seratus ya [RM 100.00] semalaman, sebulan boleh tiga ribu [RM 3000.00] jugak ha koho [makin] minat kita ada inisiatif bulih jana pendapatan. Masa tu kita kerja kerajaan gaji seribu ya [RM 1000.00] jah nak jugak pendapatan tambahan ni, sewa rumah apa semua key, ha *side-income* [pendapatan sampingan]

SA: Adakah dato' mempunyai pengalaman manis sepanjang bergelar anak seni?

DZ: Artis dikir barat la kita jumpa sesama sendiri, banyak berkenalan, lepastu (melawak) ramai orang tino [perempuan] gilo [minat] kito (ketawa) anak seni key [kan] dia berjalan rata, ha salah satu kenangan manis jugak dok [kan](ketawa)

SA: Adakah dato' masih berminat dengan dunia nyanyian dikir barat sehingga kini?

DZ: Masih minat tapi loni [sekarang] dikir barat telah pon dicampur aduk dengan nilai-nilai baru nilai moden yang tidak kene dengan angin [minat] saya peringkat awal, tidak ada keaslian dah jadi

semangat saya berdirikir ni dah semakin berkurang kecuali hok [yang] saya buat sendiri ataupun orang panggil saya mengikut kehendak saya, contohnya “dato’ saya nak dato’ dikir la male [malam] ni, marila kat rumah saya ni.” Ha bulih tapi satu, jangan ada orang tino [perempuan] nyanyi, tu tokse [taknak] la, oe kata wak [buat] pesko [pesta] pon tak boleh campur tino [perempaun] dan jate [lelaki], yang kedua tokse [taknak] musik moden, saya nak musik hok asli betul ha saya wi [bagi] syarat, ha pastu dia jawab “okey saya akan patuh apa hok [yang] dato’ nak ” jadi saya gi [pergi], gitu jah. Pahtu saya nak segar angin [naikkan semangat] saya wak [buat] dekat rumah saya sendiri, saya pnggil kumpulan mana-mana gitu jela.

SA: Apakah cabaran terbesar yang dato hadapi dalam menceburi bidang dikir barat ini?

DZ: Cabaran terbesarnya adalah po [macam] saya oyak [bagitahu] sakni [tadi] saya ni lebih *prefer* [suka] kepada keaslian dikir barat, ada setengah orang-orang baru, orang-orang muda dia campur musik, dah banyak dah benda-benda karut la tidak asli, terlalu banyak lawak jenaka la, terlalu banyak sangat nyanyian-nyanyian moden, loni [sekarang] lagi berat, ha tulah cabaran adalah macam mana untuk kita nak tarik balik identiti asal dikir barat ni supaya hidup balik itu adalah satu cabaran untuk saya (anak dato’ mencelah) ha dulu pernah dikir barat tahun sembilan puluh lapan [tahun 1998] diharamkan di Kelantan kerana penglibatan tino ngan jate [lelaki dan perempuan], jadi sayalah orang yang menghantar rayuan kepada arwah Tok Guru Nik Aziz untuk menghidupkan kembali dikir barat. Jadi tulah antara halangan-halangan, cabaran-cabaran sebagai penggiat seni dikir barat.

TAMAT BAHAGIAN D

BAHAGIAN E: PENCAPAIAN

SA: Berapa banyakkah anugerah yang dato' peroleh sepanjang menceburi bidang ini?

DZ: Anugerah tak ingat, tapi telah bertanding dapat johan gitu jela. Anugerah, saya tak pernah diberi anugerah tokoh Kelantan, ha takde, saya yang memberikan penggiat lain sebagai tokoh sebab saya Pengerusi Koperasi Dikir Barat dan saya rapat dengan Exco Kebudayaan Kelantan jadi saya bagi *recommendation* [cadangan] lah kepada Exco Kebudayaan Kelantan untuk mencalonkan siapa yang patut menerima anugerah dalam dikir barat. Salah satunya dulu saya mencadangkan arwah Seman Wau Bulan memegang Tokoh Seni Kelantan dulu tahun dua ribu tiga [tahun 2003] tak silap dia dapat, pastu saya bagi cadangan supaya Nordin, banyakkah Jen N Doro, Cikgu Sulizi, saya takkan saya nak calon saya (ketawa) saya orang yang mencadangkan.

SA: Boleh dato' ceritakan tentang anugerah paling besar yang dato' peroleh seperti ila, dimana, siapa yang menyampaikan anugerah tersebut, jenis anugerah/hadiah yang diperolehi dan sebagainya? (Tarikh anugerah diberikan, tempat anugerah disampaikan, penyampai anugerah, jenis anugerah/hadiah, tempat anugerah disampaikan)

DZ: Dapat hadiah la peringkat negeri Kelantan, (anak dato' mencelah) ha anugerah paling itu sekali, saya buat persembahan di Balai Islam [Kelantan], arwah Tok Guru Nik Aziz bagi serban, serban hok dia pakai tu dia sauk [pakaikan] (dato menunjukkan contoh serban diletakkan) ha telah satu anugerah yang paling istimewa, saya nyanyi lagu 'Insaf lah' lagu tu dia rasa teruja, lagu tu berbentuk dakwah. Macam hok [yang] dapat hadiah dikir barat tu biasalah, peringkat negeri, dan saya pernah menjadi pengerusi, juri, pengadil, yang dianjurkan oleh kerajaan Kelantan, biasalah, anugerah ni lagutu [macam tu] la tak pernah dinobatkan sebagai penggiat seni gapo-gapo [apa-apa] oleh kerajaan kelantan ha takdok [tiada], tapi sebagai Tokoh Kebajikan di Kelantan dapat, diisytiharkan oleh kerajaan kelantan sebagai Tokoh Kebajikan Negeri Kelantan tahun dua kosong dua kosong [tahun 2020], ada tu gambar di luar (sambil menunjukkan di luar bilik)

TAMAT BAHAGIAN E

BAHAGIAN F: SUMBANGAN

CF: Lagu manakah yang menaikkan nama dato' dalam bidang dikir barat ini?

DZ: 'Cokek Mok Bolok', "Cokek mok bolok, tupa dale boko, adik napok jangok, bulih ke dok jale duo" (kawan dato' mencelah) (ketawa) ha tu satu lagu.

CF: Apakah dato' pernah terlibat dalam mendidik artis baharu?

DZ: Pernah, saya pernah melatih orang-orang baru. (Fatin mencelah "Antaranya?") ramai la kita melatih dirumah tapi kita pon tak ingat dah, tapi tak pernah lah ambik sebagai anak murid saya ha takde [tiada] tapi yang belajar, belajar gitu sekerat jalan.

CF: Boleh dato' ceritakan pengalaman bekerjasama dengan artis baharu?

DZ: Pengalamannya, kadang-kadang dia tidak serupa [seperti] kita masa kita dulu , dia [artis baharu] tak bersungguh la, tidak fokus la, tidak fokus pada seorang tok guru, kemudian pergi lain pulak guru [berguru] dengan orang lain pulak, pahtu kita [dato'] pon malas nak ajar gitu [macam tu]

CF: Apakah yang dato' pelajari sepanjang bergelar anak seni?

DZ: Saya suka belajar lagu 'Wau Bulan' pasal [sebab] payah tidak semua orang boleh bawak [nyanyi] lagu 'Wau Bulan' ha belajar dengan arwah Seman Wau Bulan la macam mana nak "waaaaa" (menyanyi) ha bukan waa bodo gitu dia ada "waaaaaa, waaaa bulee" (menyanyi) ha tula lagu ini payah dia dari konsep belajar ha, makna saya selalu menuntut dengan arwah Seman la masa dia ada dulu la.

CF: Boleh dato' kongsikan cara dato' berkongsi ilmu dikir barat kepada pelapis seni dikir barat yang baru?

DZ: Ha yelah saya ajar jugakla kadang-kadang macam mana ada orang tanyo, Tukang karut tanya "dato' macam mana kita nak buat [nyanyi] 'Wau Bulan' ni?" saya wak [buat] po [seperti] sakni [tadi] ah, jadi dia tengok daripada kaset-kaset saya, video-video saya, (Fatin mencelah "Takdok [tiada] la buat kelas ke gapo [apa]?"") buat kelas takdok [tiada].

TAMAT BAHAGIAN F

BAHAGIAN G: KEGIATAN TERKINI

CF: Apakah kegiatan terkini yang dato' lakukan?

DZ: Sekarang ni saya lebih kepada buat pekerjaan amal kebajikan la, bantu golongan asnaf di seluruh negeri Kelantan, bukan saja Kelantan, Malaysia am nya lah, mana orang susah, orang tak mampu, kita dapat maklumat kita [dato' dan Yayasan nya] pergi bantu, pergi tolong dia [golongan asnaf], macam saya ada Yayasan Amal Dato' Zulwisma, nama yayasan saya, jadi saya sentiasa buat aktiviti la macam bulan puasa kita bagi zakat bulan puasa, kalau waktu musim nak sekolah kita wak program "*Back To School*" bagi pakaian sekolah satu set, beg sekolah, kasut sekolah semua ada, pastu kalau raya haji ni nak buat ni untuk raya haji ni kita korban lembu agih daging korban kepada orang-orang Islam, kalau musim syura kita kaca [kacau] syura wi [bagi] orang susah makan.

CF: Bagaimanakah dato' boleh terlibat dalam kegiatan ini?

DZ: Pasal yelah saya ni bermula dari keluarga susah jugak kan, macam saya kata duduk di kampung, lahir di kampung pedalaman anak orang susah dan berjaya belajar Allah taala beri rezeki, apa salahnya kita bagi rezeki kita tu kepada orang susah po [seperti] kita dulu-dulu, kita

menyelami perasaan orang susah, anak nak pergi sekolah pitih [duit] takde, nak bawa pitih [duit] di sekolah, nak makan di kantin takde pitih [duit], beras takde sebutir habuk [langsung], anak jerik [menangis] sie [siang] male [malam] tokleh [tak boleh] minum susu, dan kita dapat menjiwai benda tu, jadi bila orang hok [yang] mari jumpa kito]a duk [duduk] berjerik [menangis] “dato’ takdok beras sebutir habuk dalam tempayan harini” jadi dari situ kita mula berfikir nak buat yayasan.

CF: Apakah matlamat penubuhan badan NGO tersebut?

DZ: Yayasan ni adalah untuk membantu orang asnaf, orang yang tidak mampu supaya dia boleh *survive* [bertahan] dan dia boleh keluar dari kepompong kemiskinan tu, selain dari kita wi [bagi] pitih [duit], kita wi [bagi] bantuan makanan ke apa, kita memberi dorongan supaya dia ni berusaha sendiri ha bukan saja kita wi [bagi] ike [ikan] makan habis, ibarat kita wi [bagi] bate kail [batang kail] suruh dia ngail [mengail] sendiri , maknnaya kita bukan saja wi [bagi] pitih [duit] kepada dia kadang-kadang kita tanya dia “awok nk kijo gapo,” “saya nak nego [niaga] eh dato’, kalu bulih buko khemah jual air nyior [kelapa] tepi jalan pon takpo dh ” kita wi [bagi] khemah kita wi belanga, kita wi macam-macam ha tulah.

TAMAT BAHAGIAN F

BAHAGIAN H: HARAPAN

CF: Apakah harapan dato' untuk legasi dikir barat?

DZ: Harapan saya supaya dikir barat di Kelantan ni akan kembali kepada asal lah, mengekalkan keaslian nilai asal dikir barat , kita nak orang muda ni mencari apa itu nilai asli dikir barat yang sebenar sebagaimana hok [yang] dulu-dulu, jangan kita di Kelantan kene rujuk pada dikir barat Singapura, jadi orang Singapura pulak dapat *explore* [teroka] pulak tengok apa nilai asli, dia kekalkan keaslian, macam dia belajar yang asli , kita [Kelantan] ni capur bare-bare [barang-barang] hok karut, ha tu harapan saya supaya penggiat-penggiat seni yang baru ni cuba mencari nilai- nilai asal asli dikir barat, jangan merosakkan kesenian kita hok nenek moyang kita tinggal masa dulu-dulu hok pelapis-pelapis lamo kerana lani [sekarang] orang lamo sudah meninggal belako [semua] dah tidak ada dah lapisan yang lama kecuali ada anak-anak murid dia, macam saya ni anak murid Seman Wau Bulan ada lagi selapis, kalau saya mati, sapo? Takdok dah la, seperti Tok jogho, mungkin Abe Da [Daud Bukit Abal] mati, anak Abe Daud, Amran ada lagi, kalau dua orang tu takdok siapa lagi, sebab takdok sorang demi sorang mewarisi asal-asal, ha dia akan hilang dengan begitu , dia tidak ada rujukan dahla dari segi berguru takde, nak harapkan video tak seasli daripada berguru depan-depan.

CF: Apakah harapan dato' yang masih belum tercapai?

DZ: Saya rasa Allah taala wi belako [semua] dah dekat saya, dikir okey dah, sapa boleh buat program untuk dikir barat, dalam *career* [kerjaya] kerja pon dah jadi mantan akauntan, dah ada lesen audit dah, dah boleh niaga dah , anak pon besar-besar belako [semua] dah, anak pon semua boleh kerja sini [Yayasan Amal Dato' Zulwisma] belako [semua] Alhamdulillah lah, keluarga pon harmoni, anak-anak sihat belako [semua] (ketawa) ha tu la kenikmatan hok [yang] tuhan bui [bagi] tu, pitih, kesihatan tuhan bui [bagi], rumah tangga harmoni, semua tu satu kepuasan dalam diri dan nikmat Alhamdulillah.

TAMAT BAHAGIAN H

RUJUKAN

RUJUKAN

Amir Husairi Sharif. (2006). Apa Ada Pada Lirik. Dewan Budaya, Mac, 23-25.

Lim Swee Tin. (2006). Cerminan Citra Budaya Bangsa. Dewan Budaya, Mei, 11-15.

Mohd Yusoff Ismail. (2007). Akhlak Mulia dan Bimbingan Moral. Puchong: Berlian Publication.

Norasmat Mustapha. (1998). Unsur Estetika dalam Lagu Dikir Barat Di Kelantan. Tesis Bachelor: Serdang, Universiti Putra Malaysia.

Seri Shinta Mohd Noor. (2002). Nilai Moral dalam Kesenian Dikir Barat Kelantan: Tesis Bachelor: Serdang, Universiti Putra Malaysia.

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1 – LOG WAWANCARA

Che Fatin Noor Aida Che Seman dan Nur Syamimi Amirah Muhammad Zaki menemubual Dato' Zulkepli (Zul Wisma) yang dilahirkan pada 19 Oktober, 1964 di Kampung Bukit Tandak, Gual Periok, Pasir Mas, Kelantan. Beliau ialah seorang penyanyi dikir barat yang memegang posisi sebagai Tukang karut. Sesi temubual tersebut dijalankan di syarikat pengauditan milik Datuk Zul Wisma iaitu di Pejabat Zul Wisma di Kubang Kerian, Kelantan. Sesi temubual ini dijalankan pada hari Khamis, 1 Jun 2023 bermula jam 3.00 petang.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH		
	Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Nama penuh Zulkepli Bin Muhamad. • Berumur 59 tahun. • Dilahirkan di Kampung Bukit Tandak, Gual Periok, Pasir Mas, Kelantan. • Menetap di Kampung Peringat, Kota Bharu, Kelantan. • Merupakan anak ke-2 daripada 6 orang adik beradik. • Mempunyai seramai 12 orang anak.
BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN		
	Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Gual Periok, Pasir Mas, Kelantan. • Bercita-cita menjadi seorang akauntan. • Meneruskan pengajian di Politeknik Ungku Omar Ipoh, Perak. dalam kos Diploma Perakaunan. • Selepas mendapat diploma, diterima

		<p>bekerja di Jabatan Audit Negara, Kuala Lumpur.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meneruskan ke peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam dalam bidang ijazah akauntansi.
BAHAGIAN C: SEJARAH PERMULAAN		
	Permulaan sebagai pendikir	<ul style="list-style-type: none"> • Mula berkhidmat sebagai Pegawai Jabatan Audit Negara pada 31 Mac, 1986 di Pejabat Ketua Audit Negara, Kuala Lumpur, Malaysia. • Mendapat Gelaran Dato' Melaka pada tahun 2017.
BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA		
	Pengalaman Kerjaya	<ul style="list-style-type: none"> • Bergelar sebagai seorang pendikir ketika berumur 22 tahun. • Memulakan karier dikir barat di Kuala Lumpur. • Mendapat bayaran/gaji sebagai pendikir berdasarkan lokasi persembahan dilakukan.
BAHAGIAN E: PENCAPAIAN		
	Pencapaian	<ul style="list-style-type: none"> • Dilantik sebagai Pengerusi Koperasi Dikir Barat.
BAHAGIAN F: SUMBANGAN		
	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadi pendidik kepada pelapis baharu legasi dikir barat.

BAHAGIAN G: KEGIATAN TERKINI		
	Kegiatan terkini	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakn aktiviti amal di bawah Yayasan Amal Dato' Zulwisma.
BAHAGIAN H: HARAPAN		
	Harapan	<ul style="list-style-type: none"> • Supaya generasi muda mengekalkan keaslian atau nilai asal dikir barat.

LAMPIRAN 2 – DIARI KAJIAN

NO	DATE/TIME	ACTION
1.	WEEK 1	Group creation of Che Fatin Noor Aida Binti Che Seman with Nur Syamimi Amirah Binti Muhammad Zaki.
2.	WEEK 2	Do more research regarding oral history and oral tradition together.
3.	WEEK 3	Deciding to do oral history or oral tradition (tajuk).
4.	WEEK 4	Starting the process of the project.
5.	WEEK 5	Do the planning for 1-5 steps.
6.	WEEK 6	Identify 2 tokoh for the interview - (Main and Support) 2 hours in total.
7.	WEEK 7	Step 6 preliminary interview <ul style="list-style-type: none"> ● Study the process, conduct the process later on ● Get the contact information of the person (tokoh).
8.	WEEK 8	Try contacting the person (tokoh).
9.	WEEK 9	Set time to make a interview.
10.	1/JUNE/2023 – 3.00 p.m.	Interview (Sesi Temubual Tokoh)- Dato' Zul Wisma
11.	WEEK 10	Do a transcript.
12.	WEEK 11 - 14	Complete the transcript.

LAMPIRAN 3 – SENARAI SOALAN

DATO' ZULKEPLI BIN MOHAMAD (ZUL WISMA)

PENYANYI DIKIR BARAT

SOALAN-SOALAN TEMU BUAL BERSAMA DATO' ZUL WISMA

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

1. Dato', boleh saya tahu nama penuh dato'?
2. Boleh saya tahu apakah nama samaran atau nama gelaran dato'?
3. Boleh saya tahu bilakah dato' dilahirkan dan pada tahun ini berapakah umur dato'?
4. Boleh saya tahu apakah nama ibu dan bapa dato' dan dimanakah mereka dilahirkan?
5. Berapakah bilangan adik-beradik dato'?
6. Dato' anak yang ke?
7. Sekarang dato' menetap dimana dan menetap dengan siapa?
8. Boleh saya tanya soalan bilakah dato' mula berumah tangga?
9. Dato' ada berapa orang anak?
10. Boleh saya tahu apakah hobi dato' semasa waktu lapang?
11. Cita-cita dato' semasa waktu kecil, nak jadi pendikir dah ke?
12. Ada tak ahli keluarga dato' yang terlibat dalam dikir barat ini?

BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

13. Pada tahun bilakah dato' mendapat pendidikan awal?
14. Dimanakah dato' mendapat pendidikan awal?
15. Apakah cita-cita dato' semasa dibangku sekolah?
16. Pernahkan dato' terlibat dengan mana-mana aktiviti seperti nyanyian atau dikir barat semasa zaman sekolah rendah dahulu?
17. Bagaimana pula dengan sekolah menengah dato', dimanakah dato' bersekolah?

18. Adakah dato' mempunyai impian atau bercita-cita untuk menjadi pendikir barat semasa berada dialam persekolahan?
19. Adakah dato' melanjutkan pengajian selepas tamat sekolah menengah?
20. Adakah dato' melanjutkan pengajian selepas tamat sekolah menengah?
21. Lepas itu, dato' tak sambung belajar?
22. Boleh dato' kongsikan pengalaman yang dato' lalui sepanjang bergelar seorang mahasiswa?
23. Semasa jadi pelajar Universiti itu ada terlibat dalam mana-mana persatuan ke?

BAHAGIAN C: SEJARAH PERMULAAN

24. Apakah kerjaya pertama yang diceburi setelah tamat pengajian?
25. Dato' pilih ke pekerjaan itu ataupun dapat tawaran?
26. Dimanakah dato' bekerja ketika itu?
27. Berapakah pendapatan awal dato' dalam bidang ini?
28. Siapa hok [yang] beri galakan kepada dato' untuk menceburi bidang akauntan ni?
29. Bilakah dato' mula menerima gelaran dato'?
30. Apakah cabaran yang dato' tempuh dalam bidang ini?

BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA

31. Berapakah umur dato' sewaktu kali pertama bergelar seorang pendikir?
32. Bagaimana dato' boleh terlibat dalam bidang dikir barat sehingga mendapat nama?
33. Tempat permulaan dato' mula menceburi bidang dikir barat ini di KL [Kuala Lumpur]?
34. Siapakah yang menjadi inspirasi untuk dato' bergiat dalam bidang dikir barat ini?
35. Mengapakah dato' memilih untuk berkecimpung dalam bidang dikir barat ini?
36. Berapakah gaji pertama yang diterima oleh dato' sebagai seorang pendikir barat?
37. Berapakah jumlah bayaran bagi setiap lagu atau album yang dihasilkan?
38. Boleh dato' ceritakan apa yang menaraik tentang dikir barat ini?
39. Pernahkah dato' mempersembahkan lagu dikir barat ini luar negara?
40. Boleh dato' cerita pengalaman tersebut?
41. Apakah lagu pertama yang pernah dinyanyikan oleh dato' semasa mula-mula berada dalam bidang ini?

42. Apakah lagu dikir barat yang paling mencabar yang dato pernah nyanyikan?
43. Berapakah jumlah lagu yang diyanyikan oleh dato'?
44. Apakah lagu dikir barat yang paling digemari?
45. Apakah pengalaman yang tidak dilupakan semasa proses penghasilan sesebuah lagu?
46. Siapakah penyanyi dikir barat yang lain yang digandingkan buat pertama kali dengan dato'?
47. Siapakah penyanyi dikir barat yang dato' ingin berkolaborasi?
48. Apakah yang perlu dilakukan sebelum memulakan persembahan?
49. Seperti yang sedia maklum, di dalam dikir barat terdapat beberapa watak. Boleh dato' bagitahu apakah watak-watak tersebut dan tanggungjawab bagi setiap watak?
50. Apakah kemahiran yang paling membantu dato' pada awal-awal penglibatan?
51. Apakah kekuatan yang dato' ada yang menjadikan dato yakin dalam kerjaya dan bidang ini?
52. Adakah dato' mempunyai pengalaman manis sepanjang bergelar anak seni?
53. Adakah dato' masih berminat dengan dunia nyanyian dikir barat sehingga kini?
54. Apakah cabaran terbesar yang dato hadapi dalam menceburi bidang dikir barat ini?

BAHAGIAN E: PENCAPAIAN

55. Berapa banyakkah anugerah yang dato' peroleh sepanjang menceburi bidang ini?
56. Boleh dato' ceritakan tentang anugerah paling besar yang dato' peroleh seperti ila, dimana, siapa yang menyampaikan anugerah tersebut, jenis anugerah/hadiah yang diperolehi dan sebagainya? (Tarikh anugerah diberikan, tempat anugerah disampaikan, penyampai anugerah, jenis anugerah/hadiah, tempat anugerah disampaikan)

BAHAGIAN F: SUMBANGAN

57. Lagu manakah yang menaikkan nama dato' dalam bidang dikir barat ini?
58. Apakah dato' pernah terlibat dalam mendidik artis baharu?
59. Boleh dato' ceritakan pengalaman bekerjasama dengan artis baharu?
60. Apakah yang dato' pelajari sepanjang bergelar anak seni?
61. Boleh dato' kongsi cara dato' berkongsi ilmu dikir barat kepada pelapis seni dikir barat yang baru?

BAHAGIAN G: KEGIATAN TERKINI

62. Apakah kegiatan terkini yang dato' lakukan?
63. Bagaimanakah dato' boleh terlibat dalam kegiatan ini?
64. Apakah matlamat penubuhan badan NGO tersebut?

BAHAGIAN H: HARAPAN

65. Apakah harapan dato' untuk legasi dikir barat?
66. Apakah harapan dato' yang masih belum tercapai?

LAMPIRAN 4 – SURAT PERJANJIAN

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Zulkepli bin Mohamed pada 1 Jun 2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi Mara. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut diatas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau dari luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll, sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....

(Nama Tokoh: Zulkepli Bin Mohamad)

Tarikh: 1 June 2023

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA

.....

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Bt Abdullah

b.p. Dekan

LAMPIRAN 5 – GAMBAR



Gambar 1: Bergambar bersama Dato' Zulkepli dan penyampaian cenderahati



Gambar 2: Sijil-sijil dan keratan akhbar yang diperoleh Dato' Zulkepli dalam bidang dikir barat dan lain-lain

INDEX

A

Anak 2,3,6,7

Alatan 11

Akautan 2, 3, 5, 7, 10

B

Bayaran 10

Baju 13

C

Cabaran 3, 6, 7

D

Dikir barat 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 12, 15, 16

Dato' 3

E

Emak 3

F

Family 4

H

Harapan 30, 31

I

Impian 34, 34

K

Keluarga 4, 5

N

NGO 25, 26